

**Bukti keprihatinan kerajaan
Utusan Online
May 27, 2011**

TOKYO 26 Mei - Keputusan tidak menaikkan harga petrol RON 95, diesel dan gas petroleum cecair dalam waktu terdekat membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap beban yang terpaksa ditanggung rakyat walaupun akan terpaksa menanggung subsidi hampir RM20 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, keputusan menanggung beban yang berat itu terpaksa dibuat semata-mata untuk kebajikan rakyat kerana kerajaan hanya mempunyai bajet subsidi minyak sebanyak RM11 bilion tahun ini.

"Ini bererti langkah-langkah susulan atau alternatif perlu diambil kalau harga minyak masih tidak dinaikkan," katanya kepada wartawan Malaysia pada hari terakhir lawatannya ke Jepun untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-17 di sini, hari ini.

Sambil menafikan ia mempunyai kaitan dengan pilihan raya, bagaimanapun, Najib berkata, kerajaan hanya berharap rakyat menunjukkan penghargaan mereka ke atas keputusan itu.

"Dari segi pengurusan kewangan makro juga, jumlah subsidi yang begitu besar sebenarnya tidak selari dengan prinsip pentadbiran yang baik tetapi rakyat biasa sukar memahami perkara tersebut," katanya.

Ditanya sampai bila harga minyak akan kekal, Perdana Menteri berkata, perkara itu sukar diramalkan kerana tiada siapa yang tahu mengenai perubahan harga minyak tetapi kerajaan akan berusaha lakukan apa yang terbaik untuk rakyat. - UTUSAN

Copyright © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0527&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm